

# → MUKA SEPULUH

## DARI KACA MATA

**Prof Dr Mohd Tajuddin Mohd Rasdi**  
Faculty of Engineering,  
Technology & Built Environment,  
UCSI University, Thailand



## Dua kekuatan jadi rahsia apresiasi Lat

Dalam rencana ringkas ini, saya ingin mengajak pembaca untuk menengok rahsia kejayaan Datuk Lat atau nama sebenarnya, Datuk Mohammad Nor Khalid sehingga menjadi seorang personaliti antarabangsa.

Saya memandangkan bahawa Lat, antara lain mempunyai dua kekuatan dalam karya beliau yang memacu kejayaannya, iaitu keupayaan menulis dalam bahasa Inggeris dan apresiasi terhadap kepelbagaian budaya Malaysia.

Saya amat tertarik untuk menulis rencana ini atas dua sebab. Pertama, saya amat mengagumi bagaimana seorang anak Melayu yang tidak pernah menjajah kaki ke universiti boleh diangkat sebagai kartunis bertaraf antarabangsa dan mempunyai kejayaan belian ditandangi dalam negara.

Kedua, saya berasakan susah-galur kehidupan Lat boleh memberi pedoman terhadap isu perkawinan di Malaysia serta isu pembelajaran dan Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

Rencana ini diinspirasikan daripada pembacaan semua kartun, daripada buku kartun yang dihasilkan Lat serta buku biografi beliau bertajuk *Lat: My Life and Cartoons* terbitan Editions Didier Millet, baru-baru ini.

Pertama, saya ingin membicarakan bagaimana apresiasi Lat terhadap kepelbagaian budaya di negara kita telah membuka tirai antarabangsa bagi 'budak kampung' ini.

Kalau diamati kerjaya awal beliau sejak di bangku sekolah menengah lagi dan pertumbuhan minda dan sosial dalam suasana kesederhanaan kampung Melayu,

menungti tidak siaga menshuga beliau bakal menjadi kartunis bertaraf dunia.

Beliau bukan daripada golongan berada, tiada daya intelektual yang tinggi dan mempunyai lingkungan sosial masyarakat golongan berpendapatan rendah. Dalam karya kartun awal seperti *Tiga Sekawan* dan *Ali Karna*, beliau meniru format komik *The Beano* dan *Dandy* dari England.

Apabila dilegar oleh Wok Kamardin, seorang kenalan tua, bahawa beliau seharusnya menilikberatkan konteks budaya Melayu sendiri dan tidak kepada budaya Barat, Lat mengubah karyanya bersifat konteks budaya Melayu dengan pelbagai kartun di *Berita Harian* sehingga karya klasik bertajuk *Keluarga U. Mamat*.

Pada 1973, beliau menyerahkan satu strip kartun dalam bahasa Inggeris untuk majalah *Asi Magazine* yang bersifat konsep humor baharu, iaitu budaya kehidupan tradisional. Beliau melukis dan mengasi dialog mengenai majlis tradisional orang Melayu Islam, iaitu bersurat dalam bahasa Inggeris.

Apabila diterbitkan, ia mendapat sambutan hangat dan luar biasa sehingga Ketua Editor *New Straits Times (NST)* ketika itu, Lee Siew Yee menawarkan Lat jawatan pelukis kartun tetap di akhbar terbahut, mungkin kerana beliau melihat potensi kartun ini bukan sahaja sebagai penghibur tetapi juga sebagai elemen jambatan perpaduan.

Lat kemudian memulakan siri *Scenes of Malaysian Life* dalam akhbar *NST*, memulakan lembaran baharu dalam kehidupan ini dengan melukis siri *A Perak Wedding* atau *Perkahwinan Perak*.

Beliau kemudian mendapat idea untuk melukis kisah *A Sikh Wedding* dan kemudian *A Hoklo Wedding*.

Untuk memfaktakan ketepatan fakta, beliau sendiri hadir di Gurudwara, rumah ibadat pengikut Sikh dan juga majlis perkahwinan Hoklo serta mendapat maklumat hasil temu bual dengan beberapa individu daripada golongan Hakkas dan Sikh.

Seterusnya, beliau membuat beberapa siri lagi mengenai kepelbagaian budaya seperti hasil karya *Mokan Time* dan majlis perayaan pelbagai kaum. Perseorotan yang menarik ialah mengapa beliau berbuat demikian? Kenapa tidak terus melukis mengenai budaya Melayu dan Islam sahaja? Saya berasakan bahawa Lat, sejak pendidikan sekolahnya, bercampur-gaul dengan rakan pelbagai budaya serta mempunyai guru pelbagai kaum. Perkara ini menjadi semakin meruncing dalam

budaya kita masa kini.

Dalam suatu ceramah, Prof Fawwaz Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman memaparkan graf pengasingan kaum yang berlaku masa kini. Dalam tempaan terbahut, dilaguti 90 peratus orang Melayu tidak mempunyai kenalan selain daripada kaumnya.

Dalam kelas bimbingan bahasa Inggeris dan Matematik di rumah saya, semasa 42 anak Melayu yang bersekolah awam tidak mempunyai seorang pun rakan selain daripada kaumnya.

Saya juga merasakan bahawa Lat tidak didoktrinkan dengan ideologi ekstremis Islam atau Melayu dan beliau menyifatkan kepelbagaian budaya sebagai rezeqah kehidupan yang bagi seorang artis tulen, ialah aspek kehidupan penting yang layak dijadikan motif karya untuk kebaikan bersama.

### Bebas ideologi ekstremis

Lat bebas daripada kedua-dua ideologi ekstremis ini dan keputusannya untuk meraikan kepelbagaian kaum telah membawa pelajaran luas untuk beliau ke England dan Amerika, Jepun dan banyak negara lain. Seluruh dunia faham kepentingan kepelbagaian kaum dan agama sebagai pemangkin ketenteraman global.

Satu kejayaan kesenian Lat yang saya kagumi ialah gaya beliau melukis karikatur pelbagai karakter daripada kaum yang berbeza. Kita semua boleh terhibur dengan gelagat masing-masing tanpa perasaan bahawa kita daripada satu kaum yang 'lebih baik' atau 'lebih suci' daripada kaum yang lain.

Ini adalah suatu bekal yang sukar diajar dan hanya boleh dijiwai. Kejayaan kedua Lat adalah keupayaan beliau berbahasa Ing-

geris. Lat belajar pada era semua subjek dalam bahasa Inggeris dan seperti arkitek terkenal, Hijas Kasturi, mereka anak Melayu daripada keluarga sederhana yang menggunakan apa sahaja kemahiran bahasa dalam bahasa Inggeris untuk meminda ilusi secara sendiri.

Keupayaan berbahasa Inggeris bukan sahaja memajukan ilmu mereka dalam aspek teknologi, ekonomi dan sains, ia juga membuka minda mereka kepada kepelbagaian budaya kehidupan kaum lain di dunia.

Tidak seperti orang yang hanya tahu berbahasa Melayu, mereka yang tahu lebih daripada satu bahasa boleh menerima dan mempunyai apresiasi terhadap warna corak kehidupan yang berbilang bangsa dan agama.

Untuk sesuatu kaum itu berkembang, minda tidak boleh di-kunci atau disempitkan. Sayangnya, di universiti awam, penyempitan ini juga berlaku dalam kalangan profesor dan ahli akademik yang tidak nampak kebajikan atau potensi anak Melayu menggap peluang seperti diasimilasikan orang asing kepada Lat.

Suapa akan mengenali Lat kalau beliau asyik dengan karya keluarga Si Mamat dalam bahasa Melayu sehingga akhir hayat?

Apakah kita akan menjumudkan diri dengan slogan dan sikap patriotisme sempit dan merugikan, semata-mata kerana tafsiran bahawa martabat bangsa dan agama tidak berbilang global atau kita mengiktiraf kepelbagaian budaya adalah suatu rahmat atau hikmah, bukannya ugatan.

Berbilangkan senibina di negara kita juga perlu menilai semula dasar penggunaan bahasa Inggeris dengan lebih adil dan bermakna.



### Sidang redaksi

Ketua Pengarang MBP:  
Datuk Yusnaimi Yahaya  
yusnaimi@mbp.com.my

Pengarang Berita/Korangan: Muziris MBP:  
Saidon Ismail  
saidon@mbp.com.my

Pengarang Berita/Korangan: Muziris MBP:  
Datuk Ahmad Zaimi Kamaruzzaman  
mac2aim@mbp.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Sdn. Bhd., 31 Jalan Pagar, 50000 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300-237377 Faks: 03-2567032  
Laman Web: www.bh.com.my E-mel: bh@bhsdn.com.my